

**PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM PELAKSANAAN
RANCANGAN PENDIDIKAN INDIVIDU (RPI)
MURID BERKEPERLUAN KHAS**

ABIDAH BINTI ABD. RAHMAN

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2014

ABSTRAK

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

Kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak telah banyak dinyatakan oleh kajian-kajian lepas. Dalam konteks kajian ini, skop penglibatan ibu bapa adalah berdasarkan Model Penglibatan Epstein yang mengandungi enam aspek penglibatan. Aspek-aspek penglibatan tersebut ialah keibubapaan, komunikasi, memberi bantuan secara sukarela, pembelajaran di rumah, membuat keputusan dan bekerjasama dengan masyarakat. Manakala, faktor sosio ekonomi yang dikaji ialah taraf ekonomi keluarga, taraf pendidikan ibu bapa dan bilangan anak. Kajian ini melibatkan 50 orang responden ibu bapa murid berkeperluan khas yang bersekolah di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di tiga buah sekolah di daerah Kuala Selangor. Dapatan kajian diinterpretasikan dengan nilai min dan sisihan piawai bagi melihat tahap penglibatan mengikut aspek yang dikaji. Manakala, bagi melihat perhubungan antara faktor sosio ekonomi dengan tahap penglibatan pula, nilai korelasi diperoleh melalui analisis Korelasi Pearson dan Korelasi Spearman. Dapatan kajian mendapati bahawa tahap penglibatan ibu bapa dalam RPI murid berkeperluan khas secara keseluruhannya adalah tinggi (min=3.612; s/p=0.448). Keutamaan penglibatan ibu bapa mengikut aspek penglibatan menunjukkan bahawa aspek keibubapaan paling diutamakan (min=3.828; s/p=0.415), diikuti dengan aspek komunikasi (min=3.755; s/p=0.519), aspek memberi bantuan secara sukarela (min=3.609; s/p=0.572) dan juga aspek pembelajaran di rumah (min=3.609; s/p=0.602) dan aspek bekerjasama dengan masyarakat (min=3.519; s/p=0.510). Seterusnya, aspek penglibatan yang paling rendah ialah aspek membuat keputusan iaitu hanya pada tahap sederhana sahaja (min=3.352; s/p=0.535). Kajian ini juga mendapati bahawa faktor sosio ekonomi tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penglibatan ibu bapa iaitu dengan nilai $r=0.012$ dan $p=0.136$. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa walaupun tahap penglibatan ibu bapa secara keseluruhannya adalah tinggi namun terdapat beberapa jenis amalan yang kurang diamalkan oleh ibu bapa dalam pelaksanaan RPI anak mereka. Kajian ini menunjukkan implikasi bahawa dengan wujudnya tahap penglibatan ibu bapa yang tinggi dalam RPI murid berkeperluan khas, seharusnya para guru tidak mempunyai masalah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang terbaik dalam pendidikan murid-murid ini.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKA

DRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

PARENTAL INVOLVEMENT IN INDIVIDUALIZED EDUCATION PROGRAM (IEP) FOR STUDENTS WITH SPECIAL NEEDS

ABSTRACT

The importance of parental involvement in children education has been highlighted in many of past studies. In the context of this research, the scope of parental involvement is based on Epstein's Model for Parental Involvement which consists of six aspects of involvement. They are, namely, parenting, communicating, volunteering, learning at home, decision making and collaborating with community. On the other hand, the socio economic factors studied are family economic status, parents education level and number of children. This study involves 50 respondents who are parents of student with special needs from three schools in the district of Kuala Selangor. The outcome has been interpreted with the mean and standard deviation to determine the level of involvement of each aspect of questions. Meanwhile for the relationship between socio economic factors and level of involvement, the correlation has been determined with Pearson Correlation and Spearman Correlation analysis. The study shows that the level of parents involvement in the IEP for students with special needs as a whole is high (mean=3.612; SD=0.448). The most important aspect of involvement is parenting (mean=3.828; SD=0.415), followed by communicating aspect (mean=3.755; SD=0.519), volunteering (mean=3.609; SD=0.572) and also learning at home (mean=3.609; SD= 0.602), and collaborating with community has a mean of 3.519; and SD=0.510. At the lowest end, the decision making aspect has a mediocre level of mean=3.352; and SD=0.535. This study also reveals that socioeconomic factors have no considerable impact on the level of parental participation with $r=0.012$ and $p=0.136$. This study shows that the parental involvement in IEP students with special needs is high. Therefore, teachers should not have any problem in implementing their best teaching and learning in the education of these students.

KANDUNGAN

Muka surat

PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	9
1.3	Objektif Kajian	13
1.4	Soalan Kajian	14
1.5	Hipotesis Kajian	15
1.6	Kerangka Konseptual Kajian	16
	1.6.1 Enam Jenis Penglibatan Berdasarkan Model Epstein	17
	1.6.2 Rancangan Pendidikan Individu (RPI)	21
1.7	Kepentingan Kajian	24
1.8	Batasan Kajian	26
1.9	Definisi Operasional	27
	1.9.1 Program Pendidikan Khas	27

1.9.2	Penglibatan Ibu Bapa	28
1.9.3	Rancangan Pendidikan Individu (RPI)	29
1.9.3.1	Keibubapaan	31
1.9.3.2	Komunikasi	31
1.9.3.3	Bantuan Sukarela	32
1.9.3.4	Pembelajaran Di Rumah	32
1.9.3.5	Membuat Keputusan	33
1.9.3.6	Bekerjasama Dengan Masyarakat	34
1.9.4	Murid Berkeperluan Khas	34
1.10	Kesimpulan	35

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	36
2.2	Amalan yang Disarankan Berdasarkan Model Penglibatan Epstein	38
2.3	Undang-Undang Rancangan Pendidikan Individu (RPI)	45
2.4	Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan Murid Berkeperluan Khas	48

2.4.1 Penglibatan Ibu Bapa Dalam Proses Rancangan

Pendidikan Individu 51

2.4.2 Persepsi Ibu Bapa Terhadap Penglibatan Dalam

Rancangan Pendidikan Individu 54

2.5 Kriteria Penglibatan Ibu Bapa 56

2.6 Kajian Terhadap Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pendidikan 61

2.6.1 Penglibatan Ibu Bapa Dari Aspek Keibubapaan 63

2.6.2 Penglibatan Ibu Bapa Dari Aspek Komunikasi 67

2.6.3 Penglibatan Ibu Bapa Dari Aspek Membantu Secara
Sukarela 70

2.6.4 Penglibatan Ibu Bapa Dari Aspek Pembelajaran Di
Rumah 71

2.6.5 Penglibatan Ibu Bapa Dari Aspek Membuat
Keputusan 73

2.6.6 Penglibatan Ibu Bapa Dari Aspek Bekerjasama
Dengan Masyarakat 74

2.7 Kajian-Kajian Lain Berkaitan Penglibatan Ibu Bapa 75

2.7.1 Hubungan Penglibatan Ibu Bapa Dengan Pencapaian
Akademik 75

2.7.2 Hubungan Latar Belakang Dengan Penglibatan

Ibu Bapa 77

2.7.3	Kekangan Terhadap Penglibatan Ibu Bapa	79
-------	--	----

2.7.4	Meningkatkan Penglibatan Ibu Bapa	81
-------	-----------------------------------	----

2.8	Kesimpulan	82
-----	------------	----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	84
-----	------------	----

3.2	Reka Bentuk Kajian	85
-----	--------------------	----

3.3	Sampel Kajian	86
-----	---------------	----

3.4	Prosedur Kajian	88
-----	-----------------	----

3.4.1	Kaedah Mendapatkan Maklumat dan Data	88
-------	--------------------------------------	----

3.5	Instrumentasi Kajian	89
-----	----------------------	----

3.5.1	Soal Selidik Responden Ibu Bapa Murid Berkeperluan Khas	90
-------	--	----

3.5.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	91
-------	--	----

3.6	Analisis Kajian	94
-----	-----------------	----

3.6.1	Kaedah Penganalisisan Data Soal Selidik	94
-------	---	----

3.7	Kesimpulan	98
-----	------------	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	100
4.2	Korelasi Antara Konstruk/Aspek Penglibatan Yang Dikaji	101
4.3	Analisis Profil Responden	103
4.3.1	Analisis Taburan Responden Mengikut Jantina	104
4.3.2	Analisis Taburan Responden Mengikut Hubungan Dengan Murid	104
4.3.3	Analisis Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	105
4.3.4	Analisis Taburan Responden Mengikut Pendapatan Isi Rumah Sebulan	106
4.3.5	Analisis Taburan Responden Mengikut Bilangan Anak	107
4.4	Analisis Deskriptif	108
4.4.1	Analisis Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dari Aspek Keibubapaan	109
4.4.2	Analisis Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dari Aspek Komunikasi	113
4.4.3	Analisis Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dari Aspek Memberi Bantuan Secara Sukarela	117

4.4.4	Analisis Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dari Aspek Pembelajaran Di Rumah	121
-------	--	-----

4.4.5	Analisis Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dari Aspek Membuat Keputusan	125
-------	--	-----

4.4.6	Analisis Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dari Aspek Bekerjasama Dengan Masyarakat	129
-------	--	-----

4.4.7	Rumusan Analisis Penglibatan Ibu Bapa Mengikut Aspek Penglibatan	133
-------	--	-----

4.5	Analisis Korelasi dan Pengujian Hipotesis	135
-----	---	-----

4.5.1	Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor taraf ekonomi dengan tahap penglibatan ibu bapa dalam RPI	135
-------	--	-----

4.5.2	Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor taraf pendidikan ibu bapa dengan tahap penglibatan ibu bapa dalam RPI	138
-------	--	-----

4.5.3	Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor bilangan anak dengan tahap penglibatan ibu bapa dalam RPI	140
-------	--	-----

4.5.4	Rumusan Hubungan Faktor Sosio Ekonomi Dengan Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dalam RPI Murid Berkeperluan Khas	142
-------	---	-----

4.6	Kesimpulan	143
-----	------------	-----

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	146
5.2	Ringkasan Latar Belakang Kajian	147
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	149
5.3.1	Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dari Aspek Keibubapaan	150
5.3.2	Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dari Aspek Komunikasi	152
5.3.3	Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dari Aspek Memberi Bantuan Secara Sukarela	154
5.3.4	Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dari Aspek Pembelajaran Di Rumah	156
5.3.5	Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dari Aspek Membuat Keputusan	157
5.3.6	Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dari Aspek Bekerjasama Dengan Masyarakat	160
5.3.7	Hubungan Taraf Ekonomi Dengan Penglibatan Ibu Bapa	162
5.3.8	Hubungan Taraf Pendidikan Ibu Bapa Dengan Penglibatan Ibu Bapa	163

5.3.9 Hubungan Bilangan Anak Dengan Penglibatan

Ibu Bapa

5.4 Rumusan Dapatan Kajian 166

5.5 Implikasi Dapatan Kajian 169

5.5.1 Implikasi Kajian Terhadap Ibu Bapa 169

5.5.2 Implikasi Kajian Terhadap Guru Dan Sekolah 171

5.5.3 Implikasi Kajian Terhadap Kementerian Pelajaran
Malaysia 172

5.6 Cadangan Kajian Lanjutan 174

5.7 Hasil Dan Sumbangan Dapatan Kajian 176

5.8 Kesimpulan 177

RUJUKAN 181

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

Jadual	muka surat
2.1 Contoh Amalan Jenis 1 Model Epstein	39
2.2 Contoh Amalan Jenis 2 Model Epstein	40
2.3 Contoh Amalan Jenis 3 Model Epstein	41
2.4 Contoh Amalan Jenis 4 Model Epstein	42
2.5 Contoh Amalan Jenis 5 Model Epstein	43
2.6 Contoh Amalan Jenis 6 Model Epstein	44
3.1 Koefisien Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Melalui Kajian Rintis dan Kajian Sebenar	93
3.2 Analisis Kebolehpercayaan Konstruk/Aspek Yang Dikaji	94
3.3 Interpretasi Skor Purata ke Dalam Lima Tahap (Skala Likert Lima Poin)	96
3.4 Peraturan Guilford Bagi Menentukan Kekuatan Hubungan Antara Kekuatan Hubungan Pemboleh Ubah Kajian	97
4.1 Analisis Korelasi Di Antara Konstruk/Aspek Penglibatan Yang Dikaji	103
4.2 Taburan Responden Mengikut Jantina	104
4.3 Taburan Responden Mengikut Hubungan Dengan Murid	105
4.4 Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	106
4.5 Taburan Responden Mengikut Pendapatan Isi Rumah Sebulan	107
4.6 Taburan Responden Mengikut Bilangan Anak	108

4.7	Taburan Peratusan Bagi Aspek Keibubapaan	111
4.8	Min dan Sisihan Piawai Bagi Aspek Keibubapaan	112
4.9	Taburan Peratusan Bagi Aspek Komunikasi	115
4.10	Min dan Sisihan Piawai Bagi Aspek Komunikasi	116
4.11	Taburan Peratusan Bagi Aspek Memberi Bantuan Secara Sukarela	119
4.12	Min dan Sisihan Piawai Bagi Aspek Memberi Bantuan Secara Sukarela	120
4.13	Taburan Peratusan Bagi Aspek Pembelajaran Di Rumah	123
4.14	Min dan Sisihan Piawai Bagi Aspek Pembelajaran Di Rumah	124
4.15	Taburan Peratusan Bagi Aspek Membuat Keputusan	127
4.16	Min dan Sisihan Piawai Bagi Aspek Membuat Keputusan	128
4.17	Taburan Peratusan Bagi Aspek Bekerjasama Dengan Masyarakat	131
4.18	Min dan Sisihan Piawai Bagi Aspek Bekerjasama Dengan Masyarakat	132
4.19	Min, Sisihan Piawai dan Tahap Bagi Enam Aspek Penglibatan Yang Dikaji	134
4.20	Analisis Korelasi Antara Faktor Taraf Ekonomi Dengan Penglibatan Ibu Bapa Dalam RPI	136
4.21	Hubungan Antara Faktor Taraf Ekonomi Dengan Enam Aspek Yang Dikaji	137
4.22	Analisis Korelasi Antara Faktor Taraf Pendidikan Ibu Bapa Dengan Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dalam RPI	138
4.23	Hubungan Antara Faktor Bilangan Anak Dengan Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dalam RPI	139
4.24	Analisis Korelasi Antara Faktor Bilangan Anak Dengan Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dalam RPI	140

4.25	Hubungan Antara Faktor Bilangan Anak Dengan Enam Aspek Yang Dikaji	142
4.26	Rumusan Hubungan Faktor Sosio Ekonomi Dengan Tahap Pendidikan Ibu Bapa Dalam RPI Murid Berkeperluan Khas	143
5.1	Indeks Kebolehpercayaan Konstruk	176



SENARAI RAJAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Rajah	muka surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	16
1.2 Model ‘Sphere of Influence’ Epstein	20
1.3 Aspek Penglibatan Yang Dikaji Berdasarkan Konteks Kajian	21
4.1 Tahap Penglibatan Ibu Bapa Dalam RPI Murid Berkeperluan Khas	134
4.2 Hierarki Penglibatan Ibu Bapa Dalam RPI Murid Berkeperluan Khas Mengikut Jenis Penglibatan	145
5.1 Model Konseptual Kajian	176

SENARAI SINGKATAN

PTA	National Parent Teacher Association
IDEA	Individuals with Disabilities Education Act
PL	Public Law
OKU	Orang Kurang Upaya
RPI	Rancangan Pendidikan Individu
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
PBF	Pupils-Bound Funding
BPPP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
SP	Sisihan Piawai

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tidak dapat dinafikan bahawa setiap ibu bapa adalah pelengkap kepada sekolah. Tanpa disedari atau tidak, secara tauladan dan arahan, ibu bapa telah mengajar anak-anak sejak dari awal lagi iaitu sebelum anak-anak melangkah ke alam persekolahan. Segala perlakuan dan tindakan yang dilakukan oleh ibu bapa mempengaruhi perkembangan pembelajaran anak-anak. Hal ini selari dengan kenyataan yang dibuat oleh *National Parent Teacher Association (PTA)* di Amerika Syarikat iaitu selain daripada menjadi ibu bapa, mereka berperanan sebagai model ikutan dan menjadi guru yang paling awal kepada anak-anak (Hassan Azahari, 2006).

Di samping itu juga, didapati bahawa penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak telah mendapat perhatian yang lebih dalam bidang Pendidikan Khas. Pada era 1980-an, kebanyakan ibu bapa hanya bergantung kepada golongan profesional untuk latihan dan juga sokongan emosi (Turnbull, & Turnbull 2001). Namun begitu, dengan perubahan Undang-Undang Persekutuan, misalnya, penguatkuasaan *Individuals with Disabilities Education Act (IDEA)*, ibu bapa kini telah menjadi setara dengan pihak sekolah, iaitu diberi hak kepada mereka untuk akses kepada laporan sekolah anak-anak dan melibatkan diri dalam mencorak dan menilai perkhidmatan Pendidikan Khas.

Satu pasukan yang terdiri daripada ibu bapa, guru dan para profesional yang lain adalah satu mandat dan cara yang paling praktikal untuk melibatkan ibu bapa dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan pendidikan anak-anak dan dilihat seperti lebih ditekankan dalam polisi pendidikan pada masa akan datang. Apatah lagi, *Individuals with Disabilities Education Improvement Act (IDEA)* meminta pihak sekolah memasukkan ibu bapa dalam apa jua kumpulan yang mana bertujuan untuk membuat keputusan berkaitan dengan pendidikan anak-anak dan perkhidmatan Pendidikan Khas yang sesuai (Esquivel, Ryan & Bonner, 2008).

Pada tahun 1990, *Public Law 94 -142* yang dahulunya dikenali sebagai Akta Pendidikan Untuk Semua Kanak-Kanak Cacat telah diberi nama baru dan diperluaskan. Kini ia dikenali sebagai undang-undang. Undang-undang ini menekankan beberapa hak Orang Kurang Upaya (OKU) termasuklah penglibatan ibu bapa dalam merancang dan menentukan perkembangan pendidikan setiap murid. Implikasi daripada hal ini sangat penting kerana ia juga memberi dan membuka ruang

kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak berkeperluan khas untuk melibatkan diri dalam merancang dan menentukan perkembangan pendidikan untuk anak-anak mereka. Hal ini tidak diberi penumpuan sebelum ini.

Di samping itu, ibu bapa juga merupakan salah satu pihak yang terbabit dalam panel pembinaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) murid-murid berkeperluan khas. Guru Pendidikan Khas dikehendaki menyediakan RPI bagi setiap murid berkeperluan khas dengan mengikut prosedur yang ditetapkan. Hal ini bagi membolehkan guru merancang objektif yang hendak dicapai oleh murid berkeperluan khas dalam satu-satu jangkamasa tertentu semasa kanak-kanak ini bersekolah dengan mengambil kira potensi dan kekurangan seseorang kanak-kanak berkeperluan khas itu. Dalam hal ini, konsep kolaboratif pihak seperti ibu bapa, kaunselor dan guru terlibat sama dalam merancang pendidikan murid-murid berkeperluan khas.

IDEA dilihat sebagai satu pembaharuan di mana pendidikan untuk kanak-kanak berkeperluan khas diberi perhatian yang lebih khusus. Melalui akta ini juga konsep 'Pendidikan Untuk Semua' dan 'Pendemokrasian Pendidikan' diperkemas dan ibu bapa yang mempunyai anak-anak berkeperluan khas dilibatkan sama dalam perancangan keperluan pendidikan anak-anak mereka.

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak akan memberikan kesan positif sepanjang proses pembelajaran mereka sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Ibu bapa boleh melibatkan diri di sekolah sama ada untuk pelajaran

anak mereka seperti menyertai aktiviti sekolah, meletakkan nilai tinggi terhadap pelajaran dan penglibatan dalam bidang kognitif intelektual (Hill & Craft, 2003).

Kajian yang dijalankan oleh Rozumah (1999) ke atas murid sekolah rendah dan menengah di empat buah negeri di Semenanjung Malaysia mendapati bahawa kepincangan keluarga banyak memberi keburukan dan menjejaskan prestasi anak-anak. Kajian turut mendapati bahawa keluarga yang stabil dan harmoni di samping penglibatan ibu bapa yang maksimum mempunyai implikasi ke atas pembangunan pendidikan anak-anak dan sahsiah diri mereka.

Namun begitu, walaupun penglibatan ibu bapa adalah penting dalam menyumbang kepada pencapaian pendidikan anak-anak, tahap penglibatan ibu bapa masih boleh dipertingkatkan lagi. Masalah kurangnya penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak ini bukan sahaja berpunca daripada pihak ibu bapa sahaja. Guru juga seharusnya memainkan peranan penting dalam usaha menarik minat ibu bapa untuk melibatkan diri. Namun begitu, di Malaysia, kebanyakan guru tidak menyedari bahawa ibu bapa sepatutnya dilibatkan sekali di dalam proses pembelajaran anak-anak. Ibu bapa tidak diberikan pendedahan secukupnya oleh pihak sekolah bagi membolehkan mereka benar-benar faham akan konsep kerjasama dengan pihak sekolah (Fatin Aliana, 2006).

Ibu bapa juga harus sedar bahawa apa yang dipelajari di rumah dan di sekolah adalah saling melengkapi. Dengan itu, anak-anak akan merasakan pembelajaran tersebut bukan sahaja diperoleh daripada guru di sekolah bahkan boleh diperoleh juga di rumah, di sekeliling mereka dan daripada kedua-dua ibu bapa mereka. Segala yang

berlaku dalam kehidupan sehariannya adalah saling berkaitan. Hal ini telah dinyatakan oleh MacBeth (1997), di mana persekolahan merupakan sebahagian daripada pendidikan yang berlaku di sekolah, rumah dan masyarakat. Oleh itu, perhatian terhadap perhubungan pendidikan antara rumah dengan sekolah harus dititik beratkan dan dijadikan suatu isu yang tidak lagi dipandang remeh.

Apabila membincangkan kepentingan peranan ibu bapa, kajian menunjukkan bahawa 70 peratus masa yang dihabiskan oleh anak-anak di luar sekolah termasuklah di hujung minggu dan cuti persekolahan. Oleh yang demikian, kuasa masa yang diluangkan di luar waktu sekolah adalah sangat signifikan kepada anak-anak (Clark, 1990). Justeru, kajian lepas mendapati bahawa persekitaran rumah yang berkualiti sangat berkait rapat dengan pencapaian akademik dan keupayaan anak di sekolah (Christenson, 2004). Oleh itu, kemahiran keibubapaan sangat diperlukan untuk ibu bapa mengetahui cara mewujudkan persekitaran yang dapat menyokong dan menggalakkan tahap perkembangan anak (Kellighan, Sloane, Alvarez & Bloom, 1993). Dari aspek komunikasi pula, kajian mendapati bahawa anak-anak akan lebih berjaya di sekolah apabila ibu bapa mereka selalu berkomunikasi dengan guru dan terlibat dengan sekolah (University of Illinois Extension, 2012). Terdapat beberapa cara bagaimana ibu bapa dan guru boleh berkomunikasi antara satu sama lain. Komunikasi yang akrab antara ibu bapa dan guru dapat membantu anak dalam pendidikan mereka.

Namun begitu, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Kaplan (2012), beliau mengatakan bahawa masih terdapat guru yang skeptikal untuk berkongsi dengan ibu bapa kerana menganggap ibu bapa tidak setanding dengan guru. Guru menganggap

ibu bapa tidak memahami cabaran yang mereka hadapi di bilik darjah pada hari ini. Malah, guru turut beranggapan bahawa kehendak ibu bapa keterlaluan dan tidak munasabah, serta tidak menghargai sepenuhnya kesukaran yang dihadapi oleh pihak sekolah.

Selain daripada itu, pelaburan lain yang juga baik untuk pendidikan anak-anak ialah memberi bantuan sukarela (University of Illinois Extension, 2012). Dengan bersandarkan kepada kebolehan ibu bapa, minat dan keperluan sekolah, peluang-peluang ini seakan tiada akhirnya. Antara cadangan yang boleh dilakukan termasuklah sebagai pemantau ketika murid makan di kantin, *tutoring*, membantu di perpustakaan, juru cakap bilik darjah dalam topik tertentu dan juga membantu dalam acara sekolah. Ibu bapa perlu menyediakan 'bekalan' terhadap kemahiran dan minat mereka untuk membantu secara sukarela memandangkan pihak sekolah tidak tahu apakah yang ibu bapa ingin lakukan sebagai sukarelawan.

Di samping itu juga, kajian yang dijalankan oleh *U.S. Department of Education* (The State of Texas Education, 1999) mendapati bahawa kejayaan murid dalam memahami bacaan adalah berkaitan secara langsung dengan kemudahan bahan bacaan yang terdapat di rumah. Ibu bapa turut memainkan peranan yang penting dalam mengawal jumlah masa yang dihabiskan oleh anak mereka untuk menonton televisyen kerana kajian mendapati bahawa terdapat kemerosotan yang signifikan dalam pencapaian murid sekiranya mereka menonton televisyen lebih daripada sepuluh jam seminggu. Namun begitu, kajian ini menunjukkan bahawa sebanyak 73 peratus ibu bapa menghadapi kesukaran untuk melimitasikan masa anak mereka menonton televisyen disebabkan oleh kesibukan waktu mereka sendiri.

Penglibatan ibu bapa dari aspek membuat keputusan juga tidak kurang pentingnya kepada pendidikan anak-anak. Kajian lepas telah mengenal pasti empat peranan yang dimainkan oleh ibu bapa yang dapat menyumbang kepada pembelajaran anak-anak iaitu; ibu bapa sebagai guru, ibu bapa sebagai penyokong, ibu bapa sebagai *advocates* dan ibu bapa sebagai pembuat keputusan (Henderson & Berla, 1994). Program-program yang berkesan akan menggalakkan penglibatan aktif ibu bapa dalam membuat keputusan dan struktur pentadbiran sesebuah sekolah. Penglibatan ini seterusnya mewujudkan perkongsian yang baik antara ibu bapa dan guru. Hasilnya, pencapaian dan kehadiran murid akan meningkat selari dengan peningkatan *self esteem* ibu bapa (Simmons, Stevenson & Strnad, 1993).

Di samping itu juga, penglibatan ibu bapa dari aspek bekerjasama dengan masyarakat dilihat juga dapat meningkatkan pencapaian anak mereka. Menurut Epstein, Sanders, Simon, Salinas, Jansorn & Van Voorhis (2002), hasil yang akan diperoleh oleh murid dengan wujudnya kerjasama dengan masyarakat termasuklah peningkatan kemahiran dan bakat melalui pengayaan pengalaman kurikulum dan ko-kurikulum; kesedaran terhadap pilihan karier dan masa depan pendidikan dan pekerjaan; dan ganjaran spesifik yang berkaitan dengan program, perkhidmatan, sumber dan peluang yang menghubungkan murid dengan masyarakat.

Menurut Morrison (1978), pengertian penglibatan ibu bapa yang komprehensif adalah proses aktualisasi daripada potensi ibu bapa untuk membantu ibu bapa mencari kekuatan dan bakatnya serta menggunakannya bagi diri mereka sendiri dan keluarga. Penglibatan ibu bapa seperti perbincangan, penjagaan dan komunikasi sangat menentukan pencapaian kanak-kanak dalam matlamat yang telah ditetapkan oleh

pihak sekolah. Penglibatan ibu bapa penting digalakkan kerana memberi kesan yang mendalam terhadap perkembangan sosial dan kejayaan akademik kanak-kanak (Hountenville & Conway, 2008).

Sharifah dan Wee (2001) misalnya, ada mencadangkan bahawa sekolah seharusnya bersungguh-sungguh berkolaborasi dengan Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, masyarakat dan juga agensi-agensi korporat iaitu semua pihak terbabit harus dilibatkan dengan pendidikan kanak-kanak. Sokongan mereka amat diperlukan untuk mengatasi konflik jadual kerja ibu bapa dan guru melalui pelan perancangan strategik. Satu budaya korporat di mana *'education is everybody's business'* - pendidikan adalah urusan semua pihak, harus disemai dalam persekitaran sekolah.

Dalam hal ini, tugas sebagai guru yang mendidik murid-murid berkeperluan khas adalah lebih mencabar. Ini kerana murid berkeperluan khas adalah kanak-kanak yang berbeza daripada kanak-kanak sederhana atau tipikal dalam ciri-ciri mental, keupayaan-keupayaan deria, dalam ciri-ciri saraf, otot dan fizikal, dalam tingkah laku sosial atau emosi, dalam keupayaan emosi, dalam keupayaan komunikasi atau dalam pelbagai kekurangan sehinggakan ia memerlukan amalan-amalan sekolah yang diubahsuai, atau perkhidmatan Pendidikan Khas supaya ia boleh berkembang sehingga kemampuan yang maksimum (Kirk & Gallagher, 1993).

Di Amerika Syarikat pula misalnya, pihak sekolah membuka banyak peluang bagi mewujudkan kerjasama antara guru dan ibu bapa. Malah guru-guru juga sering mencari peluang untuk menghubungi dan melibatkan ibu bapa di dalam proses

pembelajaran anak-anak mereka. Di sana juga, pelaksanaan RPI adalah mengikut tahap murid tersebut. Guru akan mengadakan mesyuarat atau pertemuan dengan ibu bapa untuk membincangkan apa yang perlu dilakukan terhadap muridnya sepanjang tempoh 12 bulan. Hal ini akan mewujudkan keakraban antara ibu bapa dengan guru dan secara tidak langsung membantu murid. RPI juga dibuat tidak tertumpu di dalam kelas semata-mata. Mereka mengamalkan pengajaran dan pembelajaran bagi kanak-kanak berkeperluan khas ini di rumah serta badan-badan perlindungan khas. Oleh yang demikian, keberkesanannya ternyata terbukti melalui objektif yang dicapai terhadap murid tersebut (Anbarasi, Ng Wei Ling, Noorzaimah Murin & Siti Amira, 2010).

Justeru pengkaji merasakan sudah tiba masanya pihak guru Pendidikan Khas dan pihak pentadbiran sekolah berani untuk mencuba membuka minda dan membuka pintu bilik darjah atau pintu sekolah mereka kepada ibu bapa untuk bersama-sama mendidik para murid berkeperluan khas ini.

1.2 Penyataan Masalah

Pentingnya ibu bapa melibatkan diri dengan secara aktif dalam alam pendidikan anak-anak tidak dapat dinafikan. Beberapa kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji seperti Epstein et al. (2002), Bhering (2002) dan Wolfendale (1983) membuktikan keberkesanan penglibatan ibu bapa dalam membantu memudahkan urusan guru, memperkembangkan diri kanak-kanak melalui emosi, tingkah laku dan konsep sendiri. Menurut Henderson dan Mapp (2002) pula, kajian telah membuktikan murid